


| | | | |
|------------|-----------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Pasar tani pertama operasi 12 jam | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Pantai Timur) | | |
| Date | 11 Feb 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 160,000 |
| Page No | 36 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 823 cm ² |
| Journalist | NOOR HAYATI MAMAT | AdValue | RM 6,525 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,575 |



Pasar tani pertama operasi 12 jam

**Pasar Tani Masjid
Bukit Perah lanjut
waktu operasi
sehingga jam 8
malam**

NOOR HAYATI MAMAT

BUKIT PERAH

Pasar Tani Masjid Bukit Perah di sini, melakar sejarah tersendiri apabila menjadi pasar tani pertama di Terengganu beroperasi selama 12 jam.

Pembaharuan itu dilaksanakan bermula Januari lalu hasil daripada permintaan pengunjung sendiri dan bagi menghargai pelanggan, turut diadakan cabutan bertuah secara bulanan di pasar berkenaan.

Walapun pasar tani itu hanya mempunyai 15 peniaga dan tampak lengang, namun kuasa beli di situ mampu membuatkan peniaga bersenyum.

Terletak di hadapan Masjid Kampung Bukit Perah, pasar tani itu beroperasi setiap Ahad bermula jam 8 pagi hingga 8 malam dan merupakan pasar tani ‘bongsu’ di daerah Hulu Terengganu.

Pegawai Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Hulu Terengganu, Mohd Zulkhairi Razak berkata, Pasar Tani Masjid Bukit Perah mula beroperasi pada April 2017.

Katanya, kebiasaannya pasar tani dibuka beberapa jam sahaja sama ada pagi atau petang, namun di sini, ia beroperasi lebih lama iaitu sehingga 12 jam.

“Pembaharuan ini sekali gus menjadikan pasar tani pertama di Terengganu mempunyai waktu urus niaga lama begini. Pelaksanaannya hasil permintaan penduduk setempat dan pihak pengurusan masjid.

“Berbanding keseluruhan empat



Blarpun kelihatan lengang, hasil jualan di Pasar Tani Masjid Bukit Perah mampu buatkan peniaga tersenyum.



ROSLY



MARIAM

pasar tani yang ada di Hulu Terengganu, di sinilah sedikit jumlah peserta atau peniaga, tetapi pengunjung yang hadir tidak putus-putus.

“Kesemua 15 peniaga terlibat ada sebahagian datang petang sahaja terutama melibatkan jualan makanan, manakala bagi sayur-sayuran dan ikan, mereka bermiga sebelah pagi hingga tengah hari,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Mohd Zulkhairi berkata, hasil jualan keseluruhan direkodkan sepanjang tahun lepas ialah kira-kira RM200,000 dan angka itu dijangka

meningkat berikutan pertambahan waktu operasi tahun ini.

Katanya, pihaknya menangkakkan peningkatan sehingga 50 hingga 60 peratus hasil jualan bagi tahun ini.

Terima maklum balas positif

Pengerusi Pasar Tani Masjid Kuala Perah, Rosly Mohamad berkata, pelaksanaan waktu operasi selama 12 jam itu mendapat sambutan dan maklum balas baik daripada pengunjung.

Malah katanya, pada hari pertama pasar itu beroperasi 12 jam, ada peniaga mampu memperoleh hasil jualan sehingga RM700.

“Hasil daripada permintaan pelanggan, persetujuan peniaga dan kerjasama Fama menjadikan waktu operasi di sini lain daripada tempat lain kerana lebih lama. Kalau dulu sekitar jam 7.30 pagi hingga 3 petang,

“Januari lalu dianggap sebagai



Mohd Zulkhairi (tengah) menyampaikan hadiah kepada pemenang cabutan bertuah bagi Januari.

tempoh percuapan bagi kami di sini untuk lihat sambutan pengunjung. Syukur ia tunjukkan sesuatu yang positif,” katanya.

Menurutnya, waktu puncak di pasar tani berkenaan ialah antara jam 9 pagi hingga 10 pagi, 12 tengah hari hingga 2 petang dan 4 petang hingga 7 malam.

“Senario di pasar tani ini memang berbeza dari tempat lain, nampak hambar dan lengang tetapi hakikatnya pengunjung

sentiasa ada.

“Kita akan terus cari inisiatif bagi tarik lebih ramai pembeli,” katanya.

Sementara itu, seorang pengunjung, Mariam Mat Zin, 47, dari Ajil menyambut baik pembaharuan waktu operasi itu kerana ia lebih memudahkan orang ramai mendapatkan barang keperluan.

“Apabila masa niaga panjang begini, sekurang-kurangnya bagi lebih banyak peluang kepada pembeli untuk datang ke sini,” katanya.



Mohd Zulkhairi (kiri) meninjau operasi jualan di Pasar Tani Masjid Bukit Perah.



Sayur-sayuran antara barang keperluan yang mendapat permintaan tinggi.